

Setiap jiwa akan merasai mati.

(*Ali Imran, 185*)

HAKIKAT KEMATIAN

Kelebihan Mati

Daripada Anas bin Malik r.a, Rasulullah s.a.w bersabda,
“Kematian itu adalah kaffarah (penebus dosa) bagi orang mukmin.”

(Riwayat Baihaqi)

Daripada Abdullah bin ‘Amr r.a, Rasulullah s.a.w bersabda,
“Hadiah bagi orang mukmin ialah kematian.”

(Riwayat Hakim, Tabrani dan Baihaqi)

Daripada Hussain bin Ali r.a, Rasulullah s.a.w bersabda,
“Kematian itu adalah satu keharuman untuk orang mukmin.”

(Riwayat Hakim dan Tabrani)

Daripada Abdullah bin ‘Amr bin ‘As r.a, Rasulullah s.a.w bersabda, “Dunia ini adalah penjara dan kemarau bagi

orang mukmin. Apabila dia berpisah daripada dunia, dia berpisah juga daripada penjara dan kemarau.”

(Riwayat Tabrani)

Daripada Mahmud bin Lubaid r.h, Rasulullah s.a.w bersabda, “Dua perkara yang tidak disukai oleh anak Adam. Dia tidak suka kematian sedangkan kematian itu lebih baik untuknya daripada fitnah. Dan dia tidak suka harta yang sedikit sedangkan harta yang sedikit itu mengurangkan urusan perhitungan (di hari kiamat).”

(Riwayat Ahmad)

Orang Yang Cerdik

Daripada Syaddad bin Aus r.a, Rasulullah s.a.w bersabda, “Orang yang cerdik ialah orang yang dapat mengendalikan dirinya dan beramal untuk kehidupan selepas kematian. Dan orang yang lemah ialah orang yang ikut desakan hawa nafsunya tetapi masih mengharap (balasan baik) daripada Allah.”

(Riwayat Tirmizi)

Daripada Sayidina Umar r.a, bahawasanya Rasulullah s.a.w ditanya, “Siapakah orang mukmin yang paling cerdik?” Rasulullah s.a.w jawab, “Orang yang paling banyak mengingati mati dan paling baik persiapannya untuk kehidupan selepas kematian, mereka itulah orang-orang yang cerdik.”

(Riwayat Ibn Majah)

Ingin Mati

Daripada Anas bin Malik r.a, Rasulullah s.a.w bersabda, “Sebaik-baik zuhud di dunia ialah mengingati mati. Sebaik-baik ibadah ialah berfikir. Sesiapa yang hatinya merasa kecut bila dia mengingati kematian, dia akan dapat kuburnya nanti sebuah taman daripada taman-taman syurga.” Dan Sayidina Ali r.a berkata: Manusia semua dalam keadaan tidur. Apabila mereka mati baru mereka sadar.

(Riwayat Dailami)

Daripada Abu Hurairah r.a, Rasulullah s.a.w bersabda, “Banyakkan mengingati pemutus lazat iaitu kematian.”

(Riwayat Tirmizi)

Daripada Anas bin Malik r.a, Rasulullah s.a.w bersabda, “Banyakkan mengingati pemutus lazat (kematian). Sesungguhnya tidaklah seseorang mengingatinya ketika dia susah melainkan Allah lapangkan kehidupannya. Dan tidaklah seseorang mengingatinya ketika dia senang melainkan akan disempitkan untuknya.”

(Riwayat Bazzar)

Daripada Ammar bin Yasir r.a, Rasulullah s.a.w bersabda, “Cukuplah kematian itu sebagai peringatan.

(Riwayat Tabrani)

Daripada Tariq Al-Maharibi r.a, Rasulullah s.a.w bersabda, “Buatlah persiapan menghadapi kematian sebelum datang kematian.

(Riwayat Tabrani)

Kelebihan Umur Panjang

Daripada Abu Bakar r.a, bahawasanya seorang lelaki tanya kepada Rasulullah s.a.w, “Ya Rasulullah! Siapa di kalangan manusia yang baik?” Rasulullah s.a.w jawab, “Orang yang panjang umurnya dan baik amalannya.”

(Riwayat Ahmad, Tirmizi dan Hakim)

Daripada Jabir bin Abdullah r.a, Rasulullah s.a.w bersabda, “Sebaik-baik antara kamu ialah yang paling panjang umurnya dan paling baik amalannya.”

(Riwayat Hakim)

Daripada ‘Auf bin Malik r.a, Rasulullah s.a.w bersabda, “Setiap kali umur orang Islam itu panjang, ia adalah baik untuknya.”

(Riwayat Hakim)

Daripada Talhah bin ‘Ubaidillah r.a, Rasulullah s.a.w bersabda, “Tiada orang yang lebih mulia di sisi Allah melainkan orang mukmin yang panjang umurnya dalam Islam, kerana (banyaknya) tasbihnya dan takbirnya dan tahlilnya (mengucapkan la ilaha illallah).”

(Riwayat Ahmad)